



**JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**

**PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010**

---

---

**SEJARAH**

**Satu jam lima belas min**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan objektif.*
  2. *Jawab semua soalan.*
  3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat cadangan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas objektif yang disediakan.*
  4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak memukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan hitamkan pilihan anda yang baru.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 21 halaman bercetak

*WWW.SMKADG.COM*


1 Maklumat di bawah berkaitan tokoh-tokoh penting di Tanah Melayu.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Tun Sri Lanang</li><li>• Raja Ali Haji</li><li>• Abdul Hadi Hassan</li></ul> |
|--|

Apakah persamaan tokoh di atas?

- A Pejuang kemerdekaan negara
  - B Penulis sejarah awal negara
  - C Penentang penjajah asing
  - D Pakar arkeologi negara
- 2 Apakah peralatan masyarakat Zaman Logam yang dijumpai di Lembah Bernam?
- A Sabit
  - B Pisau
  - C Kapak
  - D Lembing
- 3 Pelabuhan utama kerajaan Majapahit ialah
- I Palembang
  - II Singhasari
  - III Kedah Tua
  - IV Temasik
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 4 Maklumat di bawah berkaitan sifat Parameswara sebagai pemerintah Melaka.



Bagaimanakah Parameswara mengelakkan ancaman luar?

- A Membina kubu pertahanan
  - B Menghantar utusan ke Siam
  - C Menjalinkan hubungan dengan China
  - D Mengadakan persahabatan dengan India
- 5 Berikut ialah dialog antara Parameswara dengan Laksamana .

**Parameswara** : *Beta bercadang memilih Orang Laut sebagai penjaga keamanan dan keselamatan Melaka.*

**Laksamana** : *Ampun tuanku, patik amat setuju dengan cadangan tuanku.*

Laksamana bersetuju dengan cadangan tersebut kerana Orang Laut

- A berani dan setia
  - B bijak mengatur strategi
  - C cekap dalam pentadbiran
  - D mahir dalam perdagangan
- 6 Maklumat di bawah berkaitan tugas golongan pembesar di Melaka.

- Menguruskan cukai
- Menguruskan gudang
- Menjaga hal ehwal pedagang

Pembesar yang dimaksudkan ialah

- A Bendahara
- B Laksamana
- C Syahbandar
- D Temenggung

7 Senarai berikut berkaitan pembahagian tugas golongan intelek di istana Melaka.

- Menggubal perjanjian
- Mengarang surat rasmi raja
- Menjadi guru kepada anak-anak raja

Golongan manakah yang mengendalikan tugas tersebut?

- A Ulama
  - B Jurutulis
  - C Pengarang
  - D Pendakwah
- 8 Apakah sikap Tun Mutahir yang menimbulkan pertelingkahan dalam kalangan pembesar Melaka?
- A Autokratik
  - B Diktator
  - C Liberal
  - D Diskriminasi
- 9 Apakah faktor-faktor yang menarik pedagang asing ke Johor?
- I Sistem cukai yang berpatutan
  - II Harga barang dagangan murah
  - III Sistem tukar barang diamalkan
  - IV Kemudahan pelabuhan disediakan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 10 Mengapakah Kedah menjalin hubungan persahabatan dengan Burma?
- A Memperluas pengaruh
  - B Mengembangkan ekonomi
  - C Menjamin keselamatan negeri
  - D Mempunyai hubungan keagamaan
- 11 Apakah faktor penting yang mewujudkan suasana aman di Negeri Sembilan pada abad ke -15?
- A Muafakat
  - B Toleransi
  - C Kegigihan
  - D Kerajinan
- 12 Berikut merupakan alat kebesaran diraja.

Payung
--------

Apakah warna payung yang dikhaskan kepada raja?

- A Kuning
- B Jingga
- C Merah
- D Putih


13 Maklumat di bawah berkaitan dengan kegiatan masa lapang masyarakat Melayu.

- Bermaksud kekasih
- Ditarikan di istana Kelantan
- Alat muzik yang digunakan ialah rebab, gambang, dan gedombak

Tarian tersebut ialah tarian

- A Canggung
- B Asyik
- C Mak Yong
- D Ulik Mayang

14 Gambar di bawah ialah sejenis corak cacah masyarakat di Sarawak.



Etnik manakah yang menggunakan corak tersebut?

- A Kayan
- B Iban
- C Melanau
- D Bidayuh



15 Berikut merupakan tempat masyarakat Sabah menjalankan aktiviti ekonomi.

- Tempat masyarakat pelbagai etnik bertukar barang.
- Barangan yang diperdagangkan ialah damar, getah perca dan lilin lebah.
- Orang Murut memperdagangkan hasil hutan.

Tempat tersebut ialah

- A Pasar Seni
  - B Pasar Rabu
  - C Pasar Tamu
  - D Pasar Malam
- 16 British ingin membina pangkalan tentera di Pulau Pinang untuk menghadapi ancaman
- A Siam
  - B China
  - C Belanda
  - D Perancis
- 17 Apakah perkara yang amat dikhuatiri oleh British berikutan dasar monopoli Belanda di Kepulauan Melayu?
- A Kepentingan perdagangan mereka terjejas
  - B Tanah jajahan mereka diambil oleh Belanda
  - C Barang dagangan mereka tidak dibeli penduduk
  - D British tidak dihormati oleh penduduk tempatan

18 Maklumat di bawah berkaitan perjanjian yang dimeterai di Tanah Melayu.

- British mengiktiraf ketuanan Siam
- Siam mengiktiraf pendudukan British di Pulau Pinang

Apakah perjanjian tersebut?

- A Perjanjian Inggeris Belanda
- B Perjanjian Persahabatan
- C Perjanjian Bangkok
- D Perjanjian Burney

19 Apakah bahan galian yang menarik pelaburan pedagang Negeri-Negeri Selat di Lukut dan Klang?

- A Emas
- B Bijih besi
- C Bijih timah
- D Arang batu

20 Maklumat berikut menunjukkan tindakan pedagang Negeri-Negeri Selat pada tahun 1873.

243 pedagang Negeri-Negeri Selat telah menulis surat kepada Setiausaha Tanah Jajahan British, iaitu Lord Kimberley.

Mengapakah pedagang Negeri-Negeri Selat menulis surat tersebut ?

- I Mendesak British campur tangan
  - II Menjamin keamanan dan kemakmuran
  - III Meminta British meningkatkan pelaburan
  - IV Melindungi kepentingan pelaburan mereka
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



21 Maklumat di bawah berkaitan sebuah daerah di Selangor.

- Di bawah kekuasaan Raja Sulaiman
- Kaya dengan bijih timah
- Menjadi ibu negeri Selangor sebelum tahun 1880

Apakah daerah tersebut?

- A Klang
- B Ampang
- C Kuala Langat
- D Kuala Lumpur

22 Apakah jabatan yang dikuasai oleh British selepas Sultan Muhammad IV di Kelantan menerima Penasihat British?

- I Polis
  - II Perundangan
  - III Hasil dan Cukai
  - IV Mahkamah Tinggi
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

23 Daerah manakah yang tidak dikuasai oleh Temenggung Ibrahim selepas perjanjian persahabatan 1855 ditandatangani?

- A Muar
- B Kesang
- C Mersing
- D Kota Tinggi

24 Maklumat di bawah berkaitan sumbangan seorang tokoh di Johor.

- Ketua Jabatan Pendidikan Johor
- Gelaran Dato' Bentara Dalam
- Timbalan Menteri pada tahun 1893

Siapakah tokoh tersebut?

- A Dato' Jaafar bin Muhammad
- B Dato' Abdul Rahman bin Andak
- C Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi
- D Dato' Muhammad Salleh bin Perang

25 Maklumat di bawah berkaitan kegiatan ekonomi di Sarawak.

- Diusahakan oleh Syarikat Borneo
- Dijalankan oleh orang Cina di sekitar Sungai Rajang
- Hasilnya dieksport ke Hong Kong, Australia dan Amerika Syarikat

Kegiatan ini berkaitan

- A pembalakan
- B pertanian
- C perikanan
- D perlombongan

26 Peryataan di bawah merujuk kepada bandar-bandar di Sarawak pada tahun 1917.



Mengapakah pentadbiran Brooke membina landasan kereta api di kawasan tersebut ?

- A Membangunkan kawasan pertanian
- B Memajukan kawasan pedalaman
- C Mengangkut hasil perlombongan
- D Meningkatkan kemudahan prasarana

27 Maklumat di bawah berkaitan perlombongan di Sabah.

- Dilombong di Silimponon dan Labuan
- Diusahakan oleh Syarikat Cowie Harbour Coal
- Silimponon merupakan kawasan longgokan terbesar di Asia Tenggara

Bahan galian tersebut ialah

- A emas
- B perak
- C mangan
- D arang batu

28 Pembinaan kemudahan asas oleh SBUB adalah untuk

- A memajukan masyarakat
- B mengaut keuntungan
- C memacu industri
- D memperoleh sokongan

29 Maklumat di bawah berkaitan pengeluaran hasil hutan di Tanah Melayu.

- Digunakan untuk membuat bola golf
- Bahan penebat kabel telegraf dasar laut
- Bahan membuat alatan bedah

Hasil tersebut ialah

- A kapur barus
- B damar
- C getah perca
- D getah jelutong

- 30 Menjelang tahun 1939, satu jaringan jalan raya telah diwujudkan di seluruh Tanah Melayu. Apakah fungsi jalan raya tersebut?
- I Menjana ekonomi
  - II Memudahkan pentadbiran
  - III Memajukan pelancongan
  - IV Menjamin keselamatan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 31 Persekitaran tempat kerja dan kediaman yang kotor menyebabkan penyakit mudah merebak sekitar tahun 1890-an. Apakah penyakit tersebut?
- I Beri-beri
  - II Denggi
  - III Campak
  - IV Malaria
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 32 Penjajahan Siam yang kejam menyebabkan rakyat Kedah bersatu dengan sultan untuk mengembalikan kedaulatan Kedah. Apakah perumpamaan yang sesuai dengan situasi tersebut?
- A Bagaikan isi dengan kuku
  - B Menangguk di air keruh
  - C Sambil menyelam minum air
  - D Genggam bara api biar jadi arang

- 33 Apakah kesan tindakan Dato' Kelana mengisytiharkan Terachi sebagai wilayahnya?
- A Jawatan sultan terhapus
  - B Negeri Sembilan dibahagi dua
  - C Wujud perebutan jawatan Yamtuan
  - D Hubungan dengan Yamtuan Antah tegang
- 34 Gerakan Islah di Tanah Melayu dipelopori Kaum Muda. Idea pembaharuan Kaum Muda disebarikan melalui majalah
- A Lidah Benar
  - B Suara Benar
  - C Al-Imam
  - D Majlis
- 35 Gerakan kesedaran kebangsaan pada kurun ke- 20 di Tanah Melayu dicetuskan oleh golongan
- A bangsawan
  - B intelektual
  - C sejarahwan
  - D ulama
- 36 Apakah tujuan utama Jepun menguasai Tanah Melayu?
- A Mendapatkan bahan mentah untuk industri
  - B Memajukan penduduk Tanah Melayu
  - C Menyebarkan kebudayaan mereka
  - D Membebaskan Tanah Melayu daripada British



37 Maklumat di bawah berkaitan penentangan terhadap Jepun di Tanah Melayu.

- Terlibat dalam gerakan anti Jepun
- Memungut derma untuk membantu negara asal mereka
- Memulaukan barangan Jepun

Perkara di atas berkaitan dengan orang

- A Melayu
- B Serani
- C Cina
- D India

38 Apakah gerakan anti-Jepun di Tanah Melayu yang muncul di Tanah Melayu pada awal tahun 1940-an?

- I Force 136
- II Zero Fighter
- III Kesatuan Melayu Muda
- IV Askar Melayu Setia (AMS)

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Apakah tujuan utama penubuhan Kempeitai ?

- A Melatih penduduk tempatan sebagai tentera
- B Menghapuskan tentera British
- C Menjadi ketua pentadbiran daerah
- D Menjaga kepentingan pentadbiran Jepun

40 Maklumat di bawah berkaitan Malayan Union.

- Dianggap menjajah Tanah Melayu.
- Menghapuskan ketuanan Melayu

Apakah kesan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union?

- A Tanah Melayu diletakkan di bawah pentadbiran tentera
- B Tanah Melayu telah dimerdekakan
- C Persekutuan Tanah Melayu dibentuk
- D Tanah Melayu diiktiraf sebagai Tanah Jajahan Mahkota

41 Maklumat di bawah berkaitan surat Sultan Badlishah, Kedah.

... jikalau beta menolak daripada menurunkan tandatangan..., pengganti beta akan menurunkan tandatangannya, akan dilantik....

Ibrahim Mahmood, 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*

Apakah cara yang digunakan oleh Harold MacMichael mendapatkan tandatangan tersebut?

- A Mengugut
- B Merayu
- C Merasuah
- D Memujuk

42 Dua cogan kata yang digunakan oleh UMNO ialah

- I Melayu Raya
  - II Pekembar
  - III Merdeka
  - IV Hidup Melayu
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

43 Maklumat di bawah berkaitan prinsip kerakyatan *Jus Soli* Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Orang Melayu dan Orang Asli
- Lahir dan tinggal di negeri Melayu yang mempunyai sultan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Penduduk tetap
  - B Rakyat raja
  - C Rakyat biasa
  - D Golongan imigran
- 44 Pernyataan di bawah menggambarkan penentangan orang Melayu terhadap Parti Komunis Malaya (PKM).

“ Kami tidak suka menyertai Parti Komunis Malaya ”

Mengapakah orang Melayu bersikap sedemikian?

- A Tidak memperjuangkan kepentingan mereka
  - B Tidak berpegang kepada agama
  - C Kemerdekaan tidak diberi penekanan
  - D Kebanyakan ahlinya ialah orang Cina
- 45 Senarai berikut berkaitan parti-parti politik di Tanah Melayu.

- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
- Ikatan Pemuda Tanah Air Melayu (PETA)
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

Apakah persamaan parti-parti tersebut semasa zaman darurat?

- A Bersatu membentuk Parti Perikatan
- B Dibubarkan kerana tiada sokongan
- C Diharamkan oleh British
- D Bergabung dengan PKM

46 Jadual di bawah berkaitan perbelanjaan British semasa zaman darurat di Tanah Melayu.

Jangka Masa	Perbelanjaan
Sehari	\$ 250,000 - \$ 300,000
12 Tahun	\$ 721.9 juta

Perbelanjaan di atas adalah untuk

- A membeli bekalan makanan
  - B membayar kos pentadbiran
  - C melunaskan hutang negara
  - D membiayai peralatan ketenteraan
- 47 Apakah tujuan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) ?
- A Mengeratkan perpaduan antara penduduk
  - B Mengukuhkan kerjasama dengan British
  - C Memberi peluang yang lebih dalam pentadbiran
  - D Merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara penduduk

48 Rajah di bawah merujuk hasil kompromi dalam kalangan rakyat di Tanah Melayu.


Kaum	Keterangan
Melayu	Menerima bantuan ekonomi dan pelajaran
Bukan Melayu	Memperoleh kelonggaran syarat kerakyatan

Apakah sikap yang diperlihatkan oleh rakyat dalam hal di atas ?

- I Setia
  - II Kerjasama
  - III Tolak ansur
  - IV Tolong-menolong
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



49 Rajah di bawah berkaitan usaha parti-parti politik di Tanah Melayu.



Apakah perkara yang cuba direalisasikan oleh kedua-dua program di atas?

- A Perpaduan kaum
- B Kemajuan negara
- C Proses pilihan raya
- D Pembahagian kuasa

50 Maklumat di bawah merujuk kepada cadangan Laporan Pelajaran di Tanah Melayu.

- Pendidikan sekolah rendah adalah wajib
- Sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
- Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

Cadangan tersebut adalah berkaitan

- A Laporan Fenn-Wu 1951
- B Ordinan Pelajaran 1952
- C Laporan Razak 1956
- D Laporan Barnes 1951



51 Maklumat di bawah berkaitan satu peristiwa penting di negara kita pada tahun 1956.

- Terdiri daripada 4 wakil raja-raja Melayu
- Terdiri daripada 4 wakil Parti Perikatan
- Rundingan diadakan di London pada 1956.

Apakah peristiwa tersebut?

- A Penggubalan Perlembagaan Merdeka
- B Perisytiharaan Kemerdekaan
- C Rombongan Merdeka
- D Persidangan kemerdekaan

52 Mengapakah dokumen Pemasyhuran 1957 ditulis dalam tulisan jawi?

- A Tulisan sejagat
- B Tulisan ilmiah
- C Simbol perpaduan
- D Simbol warisan bangsa

53 Penyataan di bawah berkaitan dokumen penting di Tanah Melayu.

- Persekutuan Tanah Melayu merupakan sebuah negara demokrasi.
- Semua penguasaan Baginda Ratu England dan Parlimen British ke atas Negeri-Negeri Selat terbatal.

Apakah dokumen tersebut?

- A Pemasyhuran Kemerdekaan
- B Memorandum Suruhanjaya Cobbold
- C Memorandum Suruhanjaya Reid
- D Perlembagaan kemerdekaan

54 Mengapakah Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British?

- A Pemberontakan rakyat Sarawak
- B Desakan daripada kerajaan British
- C Desakan Piagam Atlantik
- D Serangan tentera Jepun

55 Maklumat di bawah berkaitan tokoh politik di Sarawak dari tahun 1946 hingga tahun 1949.

- Puan Sharifah Hajah Sipah Tuanku Othman
- Lily Eberwein.

Apakah persamaan mereka?

- A Terlibat dengan pembunuhan Duncan Stewart
- B Pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak
- C Menentang penyerahan Sarawak
- D Menubuhkan Young Malay Association (YMA)

56 Maklumat di bawah berkaitan parti-parti politik di Sabah.

- Pasok Momogun
- Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO)
- Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)

Apakah persamaan parti-parti tersebut?

- A Diharamkan oleh British
- B Menubuhkan Perikatan Sabah
- C Mendesak British memberikan kemerdekaan
- D Diasaskan oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun

57 Ucapan Tunku Abdul Rahman di Hotel Adelphi, Singapura.

“... Lambat-laun Tanah Melayu harus bersefahaman dengan Britain dan rakyat-rakyat Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak...”

Apakah isu yang diutarakan oleh Tunku Abdul Rahman?

- A Gagasan Persekutuan Malaysia
  - B Hubungan perdagangan dengan Barat
  - C Keganasan Komunis di Asia Tenggara
  - D Pembangunan pendidikan di Asia Tenggara
- 58 Apakah persamaan Filipina dan Indonesia terhadap gagasan Persekutuan Malaysia?
- A Membantu pembentukan Persekutuan Malaysia
  - B Menganggotai Persekutuan Malaysia
  - C Menentang Persekutuan Malaysia
  - D Menghalang Brunei menyertai Persekutuan Malaysia
- 59 Apakah peristiwa yang menamatkan Konfrontasi Indonesia terhadap Tanah Melayu?
- A Perjanjian Damai Sukarno
  - B Gerakan Gestapo
  - C Perisytiharaan ASEAN
  - D Kewujudan MAPHILINDO
- 60 Berikut ialah ulasan Tun Abdul Razak berkaitan tindakan Singapura keluar dari Persekutuan Malaysia.

Memisahkan Singapura sebagai memisahkan duri dalam daging

Mengapakah beliau berkata demikian ?

- A Mengekalkan sistem beraja
- B Memajukan sektor ekonomi
- C Menghapuskan fahaman komunis
- D Memastikan keharmonian rakyat